

# CHERAMAH BAHASA DAN SASTERA

OLEH :

Prof. Zulkifli Muhammad (Allah Yarham)

Kassim Ahmad M.A.

Prof. Dr. R. Roolvink

Imrad Idris

Prof. Dr. R. Roolvink

Prof. Sutan Takdir Alisjahbana

ein Ali M.A.

MN  
899.23  
SH

S.N.

DI-CHEHAK DAN DI-TERBITKAN OLEH  
**PUSTAKA AMAN PRESS**  
337-E, JALAN SULTANAH ZAINAB,  
KOTA BHARU, KELANTAN,  
MALAYSIA.

CERAMAH  
SASTERA DAN BAHASA

*Chetakan Pertama - Oktober, 1964*

899.23  
Sh  
(W)



HAK PENGARANG DAN PENERBIT TERPELIHARA

“Sastera ia-lah sa-buah pe-  
nguchapan batin manusia di-  
dalam musharakat, sa-buah  
penguchapan yang sa-habis  
langsung, sa-habis tinggi dan  
sa-habis mulia.”

— KASSIM AHMAD.

## *pengakuan dan terima kaseh*

Saya menguchapkan berbanyak-banyak terima kaseh kepada penerbit-penerbit dan pencheramah-pencharamah yang berkenaan yang telah membenarkan saya memetek cheramah-cheramah mereka yang terkumpul di-dalam buku ini:

Kapada Pengarang Majallah Mastika kerana petekan cheramah-cheramah dari Majallah Mastika, Penerbitan Utusan Melayu: "Faktor-faktor Sosial Dalam Pertumbuhan Bahasa Melayu-Indonesia" oleh Imrad Idris; "Meni'mati Sajak-sajak Baru" oleh Masuri S.N.; "Abdullah bin Abdul Kadir Munshi Dalam Kenangan" oleh Syed Hussein Ali; Kapada Tuan Prof. Dr. R. Roolvink kerana cheramah-cheramah-nya, "Perkembangan Bahasa Indonesia" dan "Pengajian Sastera Melayu Lama"; Tuan Prof. Sutan Takdir Alisjahbana kerana cheramah-nya "Pengajian Bahasa dan Sastera Melayu dan Indonesia di-Universiti"; Tuan Kassim bin Ahmad kerana cheramah-nya "Perkembangan Kesasteraan Melayu Moden"; kapada Allah Yarham Prof. Zulkifli bin Muhammad kerana cheramah-nya "Perkembangan Bahasa Melayu".

*Penyusun.*

## *pendahuluan*

Memandang kapada besar-nya perhatian kita terhadap perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu yang menjadi bahasa dan kesusasteraan kebangsaan dalam negara kita pada masa yang akan datang, maka berbagai-bagai kegiatan telah di-jalankan untuk memaju, memperkembang dan memperluaskan lagi pemakaian bahasa dan kesusasteraan Melayu itu sa-hingga berjaya menchapai erti-kata Bahasa Kebangsaan dan bahasa resmi yang sa-benar-benarnya.

Perhatian itu sudah meluas pula di-kalangan orang-orang yang bukan Melayu yang ingin turut serta memaju dan menggunakan bahasa kebangsaan itu sa-bagai satu alat yang dapat menyatu-padukan seluroh ra'ayat di-dalam negeri ini, yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan yang mempunyai berbagai-bagai kebudayaan. Dari sa-masa kasama kita lihat berbagai-bagai kegiatan di-jalankan oleh pejuang-pejuang bahasa, pahlawan-pahlawan pena, peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan, badan-badan atau perkumpulan-perkumpulan bahasa untuk menanamkan semangat chitakan bahasa itu dan menggunakan bahasa itu sa-luas-luasnya. Kapada mereka—bahasa dan kesusasteraan Melayu—bukan lagi merupakan alat atau barang perhiasan sa-mata-mata tetapi sudah merupakan alat yang penting dalam kehidupan mereka sa-hari-hari. Bahasa dan Kesusasteraan Melayu akan memainkan peranan yang lebuh penting dalam perkembangan dan kedudukan negara kita pada masa yang akan datang. Bukti-nya sudah banyak kita lihat sekarang ini bahawa bahasa Melayu boleh digunakan dalam apa jua lapangan. Ahli-ahli bahasa, tokoh-

tokoh sastera, badan-badan persuratan telah menjalankan kegiatan mereka dalam memupok semangat chitakan bahasa kebangsaan. Mereka mengadakan cheramah-cheramah bahasa, foram-foram, diskusi-diskusi buku dan lain-lain untuk membantu pelaksanaan chita-chita kebangsaan itu. Sa-buah demi sa-buah buku-buku Melayu dalam berbagai-bagai perkara telah di-terbitkan pada waktu akhir-akhir ini, pendeknya zaman ini ia-lah zaman membanjir-nya buku-buku yang di-tulis dalam bahasa Melayu. Ini ada-lah satu tanda yang sihat bahawa bahasa kebangsaan mempunyai kedudukan yang penting pada masa yang akan datang. Kekurangan buku-buku pengetahuan bukan lagi merupakan penghalang kapada chita-chita kita, asal saja ada daya-usaha dari tiap-tiap anggota musharakat itu yang chintakan bahasa dan negara ini.

Buku **CHERAMAH BAHASA DAN SASTERA** ini ada-lah hasil dari inistatif saya yang ingin turut serta menambahkan sa-buah lagi buku yang berchorak bahasa dan sastera ka-dalam perbendaharaan perpustakaan Melayu. Kita sedar bahawa kita maseh kekurangan bahan-bahan bacaan yang baik dan bermutu untuk menjadi makanan rohani musharakat kita. Dalam usaha kita untuk membangun dan memajukan bangsa, maka bah-n-bahan bacaan yang tinggi dan bernilai amat berguna untuk memupok minat dan kesedaran kita. Pembangunan dalam bidang apa sa-kali pun tidak memberi erti kalau ra'ayat-nya maseh kekurangan 'ilmu pengetahuan—baik pengetahuan itu hasil dari karya ra'ayat negeri ini mau pun dari karya-karya orang lain. Pendeknya kita mesti mengisi dada kita dengan berbagai-bagai 'ilmu pengetahuan untuk menjadi ra'ayat yang berguna kapada bangsa dan negara.

Sa-sunggoh-nya persoalan bahasa dan sastera itu merupakan satu faktor yang tidak dapat di-pisahkan. Memperkatakan kesusasteraan bererti memperkatakan musharakat dan mempelajari sastera bererti mempelajari kemajuan dan perkembangan fikiran dalam musharakat itu. Hasil-hasil sastera—novel, cherpen, sajak, derama dan lain-lain—tiap-tiap satu-nya itu menchermainkan musharakat sa-suatu bangsa dalam sa-suatu zaman. Dan manakala kita mempelajari sastera bererti-lah kita mempelajari dan mengenali musharakat kita. Saperti kata Kassim Ahmad bahawa "Sastera itu ia-lah sa-buah penguchapan batin manusia di-dalam musharakat, sa-buah penguchapan yang sa-habis langsong, sa-habis tinggi dan sa-habis mulia." Pendek-nya bahasa dan sastera merupakan satu bahagian yang penting dalam susunan tuboh sa-suatu bangsa dan bahasa itu-lah yang menyempurnakan wujud-nya sa-suatu bangsa dan tidak akan lengkap pula wujud-nya sa-suatu bangsa kalau tidak dengan bahasa-nya.

Keselurohan isi buku ini mengandungi cheramah-cheramah bahasa dan sastera yang telah di-berikan oleh beberapa orang pencheramah yang ahli dalam lapangan masing-masing dan luas pula pengetahuan mereka dalam perkara-perkara itu. Tujuan saya mengumpulkan cheramah-cheramah itu dalam sa-buah buku saperti ini ia-lah sa-bagai bahan tambahan kapada pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa dan kesusasteraan dalam pepereksaan-pepereksaan bahasa dan kesusasteraan dan juga untuk mereka yang ingin memperluaskan pengetahuan mereka dalam perkara-perkara tersebut. Dan di-harapkan bahawa cheramah-cheramah yang termuat dalam buku ini dapat digunakan dengan sa-baik-baik-nya oleh pelajar-pelajar bahasa dan kesusasteraan. Saya sedar bahawa buku ini jauh dari-pada lengkap dalam erti-kata bahawa bahan-bahan yang

di-perkata dan di-huraikan dalam buku ini chukup untuk maksud-maksud pepereksaan tetapi sa-balek-nya pelajar-pelajar juga hendak-lah menchari bahan-bahan tambahan daripada buku-buku ruju' (*reference*), buku panduan yang lain, baik yang di-tulis dalam bahasa Melayu atau bahasa lain-nya. Di-antara cheramah-cheramah yang ada dalam buku ini ada yang telah di-cheramahkan dalam tahun 1957 itu sa-belum negeri ini menchapai kemerdekaan-nya dan ada pula cheramah-cheramah yang baharu. Tetapi memikirkan bahawa isi-isi cheramah itu amat baik dan berguna sa-bagai panduan kapada pelajar-pelajar sastera maka itu-lah di-susun ka-dalam buku ini.

Dalam buku ini terdapat dua buah cheramah mengenai pengajian sastera oleh Prof. Dr. R. Roovink dan Prof. Sutan Takdir Alisjahbana. Cheramah yang pertama—*Pengajian Sastera Melayu Lama* dan cheramah yang kedua—*Pengajian Bahasa dan Sastera Melayu Dan Indonesia di-Universiti*—merupakan cheramah-cheramah yang berguna tentang penting-nya pengajian sastera itu, di-kupas dan ditinjau sa-chara mendalam oleh dua orang professor. Cheramah-cheramah yang lain ada-lah mengenai berbagai-bagai aspek perkembangan bahasa dan sastera.

Buku ini jauh daripada sempurna namun bagitu saya sedia menerima tegoran, nasihat daripada mereka yang telah menatap buku ini agar dapat di-perbaikki pada masa yang akan datang.

Akhir sa-kali saya tidak lupa menguchapkan sa-tinggi-tinggi terima kaseh kapada penerbit dan pencheramah (saperti saya nyatakan dalam Kata Pengakuan) di-atas kerjasama mereka membenarkan saya memetek cheramah-cheramah mereka yang telah saya kumpulkan ka-dalam buku

ini. Juga penghargaan saya kapada tiap-tiap sa-orang yang telah memberi perangsang dan tegoran dalam masa menyusun buku ini dan terutama sa-kali kapada penerbit Pustaka Aman Press yang telah sudi menerbitkan-nya.

## BAHASA JIWA BANGSA

SHAHRIM ABDULLAH

Kuala Lumpur,  
31hb. Ogos 1964.

## *sadikit pengenalan mengenai pencheramah*

### **Prof. Zulkifli Muhammad (Allah Yarham)**

Bekas Pensharah di-Kolej Islam Kelang. Bekas Ahli Dewan Ra'ayat bagi Kawasan Bachok, Kelantan. Meninggal dunia bersama-sama isteri-nya dalam satu ke malangan jalan raya di-Kuantan sa-lepas kemenangan-nya yang kedua dalam Pilehan Raya Persekutuan tahun 1964. Allah Yarham ia-lah sa-orang pemimpin bangsa Melayu yang di-sayangi. Pada hari Perayaan Ulang Tahun keputeraan D.Y.M.M. Sultan Kelantan pada bulan Julai 1964 Allah Yarham mendapat gelaran Dato' Paduka Mahkota Kelantan.

### **Kassim Ahmad M.A.**

Bekas Pegawai Penyelidek di-Dewan Bahasa dan Pustaka. Di-antara buku-buku hasil penyelidekan-nya ia-lah *Kesah Pelayaran Abdullah*, *Hikayat Hang Tuah*, *Sha'er Musoh Kelantan*. Beliau banyak menulis essay, keritik sastera, sajak dan cherpen. Sekarang menjadi Pensharah Bahasa Melayu di-School of Oriental and African Studies University London.

### **Prof. Dr. R. Roolvink**

Bekas ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Sekarang berada di-Leiden, Negeri Belanda.